



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	23/01/2018

ISU GRADUAN JUAL NASI LEMAK, BAWA UBER

Kenyataan Tun M bukan petunjuk sebenar ekonomi

BH- 23/1/2018 Pg. 12

➔ Khairy keliru pendirian bekas Perdana Menteri

Oleh Mohd Aizat Shamsuddin
mohdaizat@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin keliru dengan pendirian bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang mempersoalkan graduan yang bekerja sebagai pemandu Uber atau menjual nasi lemak.

Beliau berkata, Dr Mahathir pada sekitar tahun 1970-an banyak menghasilkan buku mengenai bidang keusahawanan, selain buku popularnya, *Dilema Melayu*.

itu mungkin tidak po-
Dr Mahathir per-
ku mengenai
aga kecil.

“Malah ketika pentadbirannya, Dr Mahathir adalah pemimpin yang banyak menggalakkan kita untuk terbabit dalam bidang keusahawanan.

“Bagaimanapun, sekarang apabila sudah ramai anak muda menceburi bidang perniagaan, beliau kutuk pula,” katanya sambil merujuk buku *I am Usahawan* yang diterbitkan pada tahun 1988 berhubung pandangan Dr Mahathir mengenai budaya keusahawanan dalam perniagaan.

Tiada pilihan kerja

Dr Mahathir menerusi *policy talk* ke-2 yang disiarkan secara langsung di Facebook, mendakwa ada graduan kini bekerja sebagai pemandu Uber atau menjual nasi lemak dan keadaan itu tidak boleh dibanggakan, sebaliknya mereka ini yang terlatih sepatutnya bekerja menggunakan kebolehan, ilmu serta kecekapan yang dimiliki.

Khairy yang juga Ketua Pemuda UMNO berkata, anak muda memilih untuk terbabit sebagai pemandu e-hailing dan menjual nasi lemak bukan kerana mereka terdesak, tetapi



Anak muda memilih untuk terbabit sebagai pemandu e-hailing dan menjual nasi lemak bukan kerana mereka terdesak, tetapi mungkin juga disebabkan tiada pilihan”

Khairy Jamaluddin,
Menteri Belia dan Sukan

mungkin juga disebabkan tiada pilihan.

Malah, beliau berkata, ada yang menceburi bidang ini disebabkan landskap ekonomi terkini.

“Kita dengar mengenai konsep ‘Gig Ekonomi’ yang mana tiada lagi konsep pekerjaan sepanjang hayat iaitu bekerja dari jam 9 pagi hingga 5 petang. Sebaliknya, ramai yang mula memilih pekerjaan fleksibel iaitu menjadi pemandu e-hailing dan juga menjalankan perniagaan dalam talian.

“Untuk menuju ke arah negara berpendapatan tinggi, kita tidak boleh lagi galakkan rakyat Malaysia bekerja makan gaji, sebaliknya menggalakkan anak muda menceburi bidang keusahawanan yang dapat mencipta peluang pekerjaan kepada orang lain.

“Jadi kenyataan Dr Mahathir itu tidak adil dan tidak mencerminkan perkembangan ekonomi sekarang yang mana ramai memilih menjadi usahawan dan peniaga.

“Mereka ingin menjadi bos sendiri dan menyahut cabaran diri menjadi usahawan,” katanya.